

# 12 pemancing ceroboh taman laut

S+H 20/4/2001 m/s 25

Penahanan mereka disebabkan melakukan aktiviti itu di Pulau Aur

Oleh FARAH SHAZWANI

MERSING

P adah memancing di kawasan taman laut, 12 lelaki ditahan ketika melakukan aktiviti itu di perairan Pulau Aur, di sini malam Ahad.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Johor, Noraishah Hasim berkata, penahanan itu melibatkan 15 individu membabitkan 12 pemancing, dua tekong dan seorang awak-awak berusia antara 34 hingga 75 tahun dan dua vesel zon A.

Menurutnya, kesemua mereka ditahan oleh penguatkuasa Cawangan Taman Laut dan Pengurusan Sumber, Jabatan Perikanan Negeri Johor yang

Salah sebuah bot yang ditahan kerana membawa pemancing melakukan aktiviti itu di Taman Laut Pulau Aur, pada Ahad.




FOTO: JABATAN PERIKANAN JOHOR



Sebahagian daripada hasil tangkapan.

melakukan rondaan rutin pemantauan vesel di perairan Johor Timur.

“Vesel penangkap ikan yang pertama di tahan sekitar jam tiga pagi iaitu 0.5 batu nautika dari Pantai Pulau Aur. Ia melibatkan seorang tekong berusia 56 tahun, seorang awak-awak berusia 48 tahun dan enam pemancing berusia antara 34 hingga 58 tahun.

“Kedua-dua bot dan peralatan menangkap ikan turut disita dan akan disiasat di bawah Seksyen 43 (1), Akta Perikanan 1985,” katanya dalam satu kebenaran pada Isnin.

ka dari Pantai Pulau Aur, melibatkan seorang tekong berusia 56 tahun, seorang awak-awak berusia 48 tahun dan enam pemancing berusia antara 34 hingga 58 tahun.

“Kedua-dua bot dan peralatan menangkap ikan turut disita dan akan disiasat di bawah Seksyen 43 (1), Akta Perikanan 1985,” katanya dalam satu kebenaran pada Isnin.

Jelas beliau, terdapat 13 pulau di perairan Mersing yang telah diwartakan sebagai taman laut pada 20 Oktober 1994.

Adalah menjadi kesalahan di bawah Seksyen 43, Akta Perikanan 1985 untuk mengambil, mengalah atau memiliki haiwan akuatik dalam kawasan berkenaan.

“Kita ingin mengingatkan nelayan agar sentiasa mematuhi syarat

lesen agar tidak menjaskan sumber perikanan negara yang perlu diurus secara lestari.

“Taman Laut Johor telah diwartakan di bawah Perintah Penubuhan Taman Laut Malaysia mulai 1994 dan diharapkan semua pihak mengambil tahu kepentingan pewujudan taman laut dan tidak sewenang-wenangnya melanggar peraturan yang telah ditetapkan,” katanya.